

Newspaper	Suara Keadilan
Date	27/03/2012

Negara kebajikan atau minda Najib bankrap?

Suara Keadilan - 27/3/2012

Oleh REDZUAN SHAMSUDIN

SEKALI lagi Perdana Menteri Najib Razak berlagak pandai, melontarkan idea Malaysia akan bankrap sekiranya ditadbir oleh Pakatan Rakyat (PR).

Congak Najib mudah, pemerintah PR berteraskan konsep 'negara berkebijakan'. Iaitu, kerajaan menanggung banyak perkara, daripada subsidi bahan api sehinggalah elaun bulanan kepada rakyat yang tidak bekerja seperti dipraktikkan di beberapa negara Eropah.

Tentunya sepanggal diperintah PR negara akan terpaksa melutut kepada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) atau meminjam dari Bank Dunia. Perkara yang terburuk, Malaysia mengikut jejak langkah kebankrapan Greece yang mana rakyat terpaksa berjimat cermat malah membunuh diri.

Berjalan serentak

Hujah kebodak-bodakkan Najib itu dijawab secara berfakta oleh Menteri Besar Selangor Tan Sri Khalid Ibrahim. Menurut Khalid, Selangor adalah bukti kedua perkara baik berjalan serentak, iaitu kemajuan dan negeri berkebijakan.

"Dia (Najib) mengatakan jika pemerintahan diberi kepada Pakatan Rakyat negara akan bankrap dan tiada duit untuk membiayai usaha kebajikan. Sebelum 2008, tidak banyak usaha kebajikan yang dilakukan Kerajaan Selangor.

"Apabila kita mentadbir, kita bagi air percuma 20 meter padu kepada semua rakyat. Kita bagi peruntukan pendidikan RM16 juta, bukan sekali tetapi setiap tahun untuk sekolah yang tidak dibantu Kerajaan Persekutuan" sebelum ini.

"Kita ada program warga emas, khairat kematian untuk semua rakyat tak kira bangsa dan agama, malah fahaman politik," katanya ketika berucap dalam Majlis Sambutan Thaiopusam di Batu Caves baru-baru ini.

Khalid turut menempelak kebodohan BN mentadbir Kerajaan Persekutuan sehingga terpaksa berhutang selama 14 tahun berturut-turut dalam belanjawan defisit semenjak 1998.

"Kerajaan Negeri telah melaksanakan banyak program kebajikan melibatkan peruntukan lebih RM500 juta.

"Soalan yang ditanya rakyat Selangor, adakah dengan kebajikan yang diberikan Kerajaan Negeri sekarang Selangor bankrap? Jawapannya, lebih baik. Sebelum kita mentadbir Selangor, rizab negeri kurang RM400 juta, sekarang masuk tahun keempat, kita kumpulkan lebih RM1.9 billion. Empat kali ganda lebih besar. Jadi kalau Najib kata negara kebajikan penyebab bankrap, itu kerana dia tak tahu mentadbir," sinisnya.

Demikianlah dungunya BN mentadbir negara. Sehingga hari ini, hutang Kerajaan Persekutuan berjumlah RM456.1 billion. Apakah negara kebajikan telah dilaksanakan di Malaysia sehingga hutang meningkat setinggi gunung? Tentunya tidak.

Bantuan Rakyat 1Malaysia hanya diberikan sekali dalam empat tahun apabila pilihan raya akan menjelang. Begitu juga bantuan baucer untuk kanak-kanak sekolah, bantuan warga emas dan sebagainya diberikan secara bermusim.

Sedangkan kerajaan di negeri PR membantu secara bulanan dan setiap tahun mengikut kesesuaian kelompok yang dibantu. Malah mengejutkan, negeri yang dianggap paling miskin seperti Kelantan mempunyai skim bantuan bulanan kepada warga yang memerlukan. Skim Ladang Rakyat, Armalah, Skim Al-Itaam, Az-ziwaaj dan sebagainya telah berjalan sejak lebih 5 tahun lalu. Kelantan juga seperti Selangor tidak bankrap.

Malah dengan bantuan itu kadar kemiskinan di Kelantan berkurangan, sejak 20 tahun lalu. Mengikut statistik yang dikeluarkan, negeri paling miskin adalah Sabah, diikuti Terengganu, Sarawak, Kedah, Perak dan barulah Kelantan.

Hutang negara

Satu lagi negeri PR melaksanakan polisi berkebijakan ialah Pulau Pinang yang memberi pelbagai bantuan kepada rakyat miskin dan pertubuhan sosial. Negeri ini juga tidak bankrap malah menjadi nege-

ri kedua terkaya di Malaysia!

Dalam masa sama, hutang negara mencecah kadar 53 peratus daripada KDNK. Pertambahan 2 peratus lagi adalah menyalahi undang-undang dalam kadar keberhutanngan. Pertambahan 47 peratus lagi telah diramalkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Idris Jala bahawa Malaysia akan bankrap pada 2019.

Selain itu, terdapat fakta yang lebih mengerikan. Hutang awam kerajaan Malaysia adalah tertinggi berbanding negara ASEAN-5 iaitu Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina dan Malaysia, yang purata hutang mereka 30 peratus daripada KDNK. Hutang isi rumah melonjak daripada 69 peratus KDNK dalam tahun 2006 ke paras 78 peratus KDNK pada 2011.

Oleh itu, Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) untuk memungut lebih banyak wang daripada rakyat terpaksa diperkenalkan pada tahun akan datang manakala subsidi bahan api dan makanan terpaksa dipotong bagi mengelakkan situasi terburuk.

Apakah yang menyebabkan Malaysia hampir bankrap? Laporan Ketua Audit Negara pada 2011 menyebut negara mengalami ketirisan sehingga RM20 bilion setahun. Betapa dahsyatnya rasuah dan penyelewengan yang terjadi sehingga PR boleh membuat tawaran merendahkan harga minyak, menaikkan gaji kakitangan awam, membina lebih banyak rumah mampu milik, memberi biasiswa pendidikan dan pelbagai tawaran dalam Buku Jingga berbandukan jumlah pembaziran sebesar itu.

Jawapan mudah kepada BN ialah: Hari ini PR menang, beberapa bulan kemudian rakyat Malaysia akan menikmati apa yang telah dinikmati rakyat di negeri-negeri PR. Sebelum 8 Mac 2008, BN mudah mentertawakan negara berkebijakan sebagai angan-angan kosong. Kini, selepas 8 Mac 2012 mereka akan diserang deman panas untuk membuktikan sebaliknya.

Najib melantik 13 orang penasihat untuk mencederikannya yang beku. Terbukti, selepas 2 tahun penasihat itu juga sama beku otaknya dengan Najib!